

DATE: 14/1/2010

Memperingati 34 tahun pemergian 'Bapa Pembangunan'



Tun Raza T Tun Razak negarawan ulung, pelopor perpaduan kaum

Perdana Menteri Kedua rintis pelbagai dasar pembangunan, basmi kemiskinan

SUDAH lebih tiga dekad, Tun Abdul Razak Hussein meninggalkan kita semua, tetapi legasi yang ditinggalkannya tetap segar dan relevan kerana merintis jalan membangunkan rakyat pelbagai kaum, sesuai dengan gearan beliau sebagai 'Bapa Pembangunan'. Tanggal 14 Januari 1976, negara dikejutkan dengan berita pemergian Perdana Menteri kedua itu, kerana penyakit leukemia. Negara kehilangan tokoh terbilang yang mengabadikan setiap denyut nadinya mengisi dan memberi erti kepada kemerdekaan.

Beliau berjaya menyatukan Perpaduan antara kaum melalui Penyata Razak (1956) untuk memenuhi harapan sebilangan besar rakyat bagi membentuk bangsa merdeka beridentitikan Malaya dan membentuk Dasar Pelajaran Kebangsaan yang diterima seluruh rakyat. Dasar itu perlu bagi memenuhi hasrat meningkatkan pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik sebagai suatu bangsa dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tanpa mengetepikan pertumbuhan bahasa dan kebudayaan kaum lain.

Penyata Razak 1956 adalah polisi yang radikal dalam usaha membawa perubahan besar bagi sekolah dengan matlamat utama untuk menyatupadukan rakyat. Antara perkara dalam penyata itu mewujudkan dua jenis sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) dengan bahasa Melayu sebagai pengantar dan Sekolah Rendah Jenis



Tun Abdul Razak

Kebangsaan (SRJK) yang menggunakan Kuo-Yu, Tamil dan Inggeris sebagai pengantarnya.

Namun, bahasa Melayu buat pertama kali diajar di semua SJK. Ini proses untuk mendaftarkannya sebagai bahasa kebangsaan. Penyata Razak juga mencadangkan satu sistem Pendidikan menengah dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Ia menetapkan kandungan pelajaran sama di semua peringkat sekolah untuk menyemai semangat Perpaduan dan kerjasama di kalangan murid pelbagai kaum. Semangat inilah yang menjadi asas mewujudkan generasi muda yang sihat dan berpelajaran sebagai sumber tenaga membangunkan negara.

Agenda pembangunan beliau tidak pernah berhenti. Di bawah te-

rajunya, orang kampung pada awal 1960-an mula menikmati sinaran lampu elektrik menggantikan lampu minyak tanah, air perigi digantikan dengan air paip. Buta huruf di kalangan dewasa dihapuskan dengan penubuhan Kelas Pelajaran Dewasa (1960-1970). Di merata" desa muncul Pusat Bidan dan Klinik Kesihatan meningkatkan tahap kesihatan rakyat.

Penyediaan infrastruktur digiatkan dengan pembukaan jalan baru bagi kemudahan rakyat. Pelbagai gerakan dilancarkan seperti Gerakan Maju, Jayadiri dan Gerakan Pembaharuan dengan tujuan menukar paradigma dan cara hidup tradisi orang Melayu serta menggalakkan mereka aktif menyertai pembangunan. Gerakan Bumi Hijau dilancarkan ketika negara menghadapi inflasi kewangan untuk menggiat jentera kerajaan membabitkan rakyat dalam rancangan penggunaan tanah, tanaman jangka pendek, kebun berkelompok, ternakan dan pemeliharaan ikan air tawar.

Tun Razak dengan tongkat yang tidak pernah lepas daripada tangannya menemui rakyat di seluruh ceruk untuk memastikan pembangunan dirancang sampai kepada mereka. Tanpa jemu, beliau tidak pernah lari daripada fokus utamanya membasmi kemiskinan, kejahilan dan meningkatkan taraf kesihatan terutama di kalangan penduduk luar bandar.

Beliau sampai ke puncak karier politiknya apabila mengambil alih

pemerintahan negara dalam keadaan darurat, menjadi Pengarah Majlis Gerakan Negara (Mageran), menggantung Parlimen, mengahramkan perbincangan isu sensitif dan menerapkan kesetiaan rakyat melalui Rukun Negara.

Beliau mengambil tanggungjawab memulihkan semangat dan keyakinan bangsa yang pudar akibat tragedi 13 Mei 1969 dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) mengembalikan demokrasi berparlimen dan menambah bilangan ahli parti dan menjana Perpaduan untuk membentuk ketahanan nasional serta kestabilan politik melalui penubuhan Barisan Nasional (BN).

Sesingkat usianya, beliau berjaya membawa negara kembali ke landasan demokrasi dan muncul daripada celah Permasalahan itu sebagai Perdana Menteri kedua menggantikan Tunku Abdul Rahman Putra pada 22 September 1971. Di bawah kepemimpinan Tun Razak, negara bukan saja memperlihatkan dasar ekonomi dan sosial yang radikal dengan memperkenalkan DEB, bahkan dasar luar negara juga semakin progresif, keluar daripada bayangan pro-Barat, bebas serta berkecuali.

Dalam menangani ancaman komunis, Tun Razak melangkah kakinya ke China sebagai pemimpin Asia Tenggara pertama merintis hubungan diplomatik dengan negara komunis itu pada Mei 1974. Tun Razak dengan kebijaksanaan diplomasi dan dasar luar negaranya menjadikan suara Malaysia di-

dengari kuasa besar dunia hingga ke persada antarabangsa. Terlalu banyak boleh diperkatakan mengenai jasa Tun Razak terhadap pembangunan ekonomi, politik dan sosial negara. Hakikatnya, segala nikmat kemajuan dikecapi hari ini adalah hasil denyutan pembangunan yang dirintis beliau.

Tanpa usaha membangunkan kawasan luar bandar, infrastruktur, badan-badan yang diberi mandat memacu pembangunan seperti Felcra, Pertubuhan Peladang, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), DEB, Perbadanan Nasional (Pernas), Penerbangan Malaysia (MAS), Petronas, Majlis Amanah Rakyat (Mara), Institut Teknologi Mara (ITM), Bank Bumiputra, Mageran dan Rukun Negara, maka tidak akan ada kekuatan ilmu dan profesionalisme yang dapat menegakkan perpaduan, kestabilan, keyakinan diri dan daya saing yang mampu membina maruah negara.

Kita mungkin sudah kehilangan Tun Razak, tetapi percayalah beliau tidak pernah jauh meninggalkan kita kerana semangat juang negarawan ulung ini tidak pernah padam. Semoga semangat juangnya dikenang, terpahat kemas dalam ingatan, menjadi kebanggaan dan membakar semangat seluruh rakyat Malaysia untuk terus memperjuangkan apa yang dipelopori beliau. Al-Fatihah.

Penulis ialah pegawai Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Arkib Negara Malaysia.